

# Pembalakan: Umno Terengganu minta maklumat

8/1 26/6/03  
KUALA TERENGGANU: Umno Terengganu semalam menghantar surat kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan Menteri Perhutanan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, bagi mendapatkan maklumat mengenai kegiatan pembalakan di Hutan Simpan Kekal Tembat, Tasik Kenyir yang menyebabkan pencemaran.

Timbalan Pengerusi Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata maklum balas daripada kedua-dua kementerian itu diperlukan bagi membuktikan kawasan di situ tercemar berikutan kegiatan itu.

Katanya, salinan surat yang dihantar kepada dua kementerian itu turut dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Beliau berkata, lida rasmi kerajaan negeri, *Warta Darul Iman* keluaran terbaru memetik kenyataan Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Na'aman Jaafar sebagai berkata au di Sungai Puah jernih dan tidak sedikit pun keruh akibat kegiatan itu.

"Kita nak tahu, apakah tinjauan atau kenyataan itu sesuatu yang rasmi atau bagaimana? Sebab apa yang kita tahu memang berlaku pencemaran di sana malah penduduk pedalaman di Dungun dan Hulu Terengganu yang bergantung kepada sumber air bukit kini diatakan menghadapi masalah," katanya pada sidang akhbar, di sini.

Idris kesal kerana Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kurang mengambil tahu isu semasa terutama membabitkan hal ehwal dalam negeri.

Idris berkata, Hadi tidak mengambil berat mengenai perancangan sesuatu projek dan

tidak mengutamakan kepentingan rakyat sebaliknya hanya memikirkan keuntungan Pas semata-mata.

Beliau berkata, dua kilang papan milik kerajaan negeri, Pesaka dan Pesama masing-masing di Dungun dan Kemaman tidak aktif sedangkan kayu balak yang dikeluarkan di kawasan Hutan Simpan Kekal Tembat lebih dari mencukupi bagi membolehkan kedua-dua kilang papan itu kembali beroperasi seperti dulu.

"Sepatutnya hasil negeri ini hendaklah diuruskan kilang papan milik kerajaan negeri kerana secara tidak langsung ia akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu," katanya.

Sementara itu, Idris mengingatkan penduduk supaya memperkasakan diri dan bersedia menghadapi sebarang ancaman luar.

Beliau berkata dalam Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat, terutama ahli Umno supaya menguatkan ketahanan diri.

"Perdana Menteri menggariskan tiga perkara iaitu ancaman dari luar dan dalam negara serta ancaman dari dalam parti itu sendiri," katanya.

Sehubungan itu, rakyat Terengganu digesa memahami isi kandungan ucapan Perdana Menteri dan memberi perhatian terhadap ancaman yang dimaksudkan.

Dalam perkembangan lain, Idris berkata, Pas tidak memperjuangkan Islam seperti yang dilaung-laungkan pemimpinnya.

Katanya, Islam menggalakkan hubungan baik antara semua manusia tetapi Pas membina tembok menjarakkan dan merenggangkan hubungan rakyat di negara ini.

Idris juga mengingatkan ahli Umno supaya tidak mementingkan diri, sebaliknya bekerja keras berjuang demi kemajuan parti.

"Umno bukan parti milik individu. Ia adalah parti untuk semua. Oleh itu tidak wajar ia dijadikan landasan untuk mencipta kepentingan bersifat peribadi," katanya.